

PERDANA LIBRARY
PERDANA LEADERSHIP FOUNDATION
NEWSPAPER CLIPPING

Newspaper	Utusan Malaysia
Date	9 December 2015



Mohd. Raffe johan Pidato Piala Presiden UMNO

Oleh **MOHD. AZRIN MUHAMMAD**
pengarang@utusan.com.my

KUALA LUMPUR 8 Dis. - Wakil UMNO Bahagian Jasin, Melaka, Mohd. Raffe Madon dinobatkan sebagai johan Pertandingan Pidato Piala Presiden UMNO sempena Perhimpunan Agung UMNO.

Beliau berjaya mengeneipkan 14 pesaing lain menerusi tajuk Memperkasakan Agenda Bumi-putera pada pusingan akhir.

Hadiah disampaikan oleh Presiden UMNO, Datuk Seri Najib Tun Razak sebelum majlis taklimat tertutup di Dewan Merdeka, Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC) di sili malam ini.

Mohd. Raffe yang juga kakitangan Jabatan Agama Islam Melaka (JAIM) menerima hadiah wang tunai RM20,000, piala pusingan dan

sijil penyertaan.

Sementara itu, tempat kedua dimenangi wakil Bahagian Kelana Jaya, Hanif Osman diikuti wakil Bahagian Labis di tempat ketiga, Kamarulhairi Komeng.

Tambah Mohd. Raffe, kemenangan itu dikecapi dengan menzahirkan realiti iaitu maklumat sahih berdasarkan perjuangan UMNO.

"Kita tidak boleh lari daripada fakta dan saya hanya menjalankan tanggungjawab saya untuk berjuang memberi maklumat demi bangsa, agama dan negara saya," katanya.

Pusingan akhir Pertandingan Pidato Piala Presiden UMNO 2015 menyaksikan lebih 250 penyertaan sepanjang November lalu sebelum proses saringan dilakukan menjadi 15 peserta bagi pusingan akhir.